

MBM cadang ujian kecenderungan terhadap bakal siswa

UM 10 JUL 2001

KUALA LUMPUR 9 Julai — Majlis Belia Malaysia (MBM) mencadangkan supaya kerajaan menjalankan ujian kecenderungan terhadap bakal mahasiswa bagi menilai tahap kesesuaian mereka untuk belajar di universiti.

Presidennya, Saifuddin Abdullah berkata, jika kerajaan bercadang mengenakan syarat baru dengan mewajibkan pelajar universiti menumpukan perhatian terhadap pelajaran maka ujian seumpama itu penting bagi mengenal pasti kecenderungan mereka dalam bidang tertentu seperti politik mahupun akademik.

“Jika mahu dikenakan syarat baru saya cadangkan diadakan ujian kecenderungan untuk menilai kecenderungan bakal mahasiswa kerana mereka yang cemerlang akademik tidak semestinya sesuai belajar di universiti,” katanya keada *Utusan* hari ini.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa kerajaan mungkin akan mengenakan syarat baru yang tegas kepada bakal pelajar ke universiti.

Syarat baru itu ialah mewajibkan mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran atau menghadapi tindakan disingkir.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam, berkata, syarat seperti itu akan dikenakan pada masa akan datang memandangkan banyak pelajar terutama mahasiswa Melayu terbabit dalam gerakan antikerajaan.

Menurut Saifuddin, ujian tersebut perlu dilaksanakan kerana kecenderungan pelajar dalam sesuatu bidang mungkin berbeza semasa di bangku sekolah berbanding di universiti.

Ini kerana, jelas beliau, di sekolah para pelajar masih dikawal oleh ibu bapa dan guru-guru sedangkan di universiti selain tiada kawalan mereka terdedah dengan pelbagai dakyah dan idea baru.

Saifuddin berkata, kenyataan Dr. Mahathir itu bukanlah perkara baru kerana sebelum ini telah ada beberapa syarat yang ditetapkan pelajar universiti yang mendapat biasiswa atau pinjaman perlu cemerlang akademiknya.

Tambah beliau, telah ada pera-

turan di universiti yang membenarkan seseorang pelajar itu disingkirkan dari universiti jika gagal dalam peperiksaan atau melakukan perkara yang menyalahi undang-undang.

“Saya harap kenyataan Perdana Menteri berhubung syarat baru itu tidak disalahertikan khususnya oleh para mahasiswa sebabliknya melihatnya sebagai ingatan dan nasihat daripada seorang ayah kepada anak,” ujarnya.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Pergerakan Perpaduan Islam Malaysia (PPPIM), Datuk Zulkifli Ahmad yang bersetuju dengan syarat baru itu berkata, para mahasiswa mesti menggunakan sepenuhnya peluang belajar di universiti untuk mengembangkan daya intelek mereka.

Katanya, para mahasiswa juga perlu diberi kebebasan untuk terlibat dengan aktiviti luar seperti berpersatuan tetapi ia mestilah tidak sampai ke tahap menjejaskan pelajaran mereka.

Para mahasiswa jelas beliau, harus diberi peluang untuk mengembangkan daya kepimpinan mereka dengan mengemukakan pelbagai pandangan mengenai isu-isu semasa selagi ia tidak menjejaskan keselamatan negara.

“Jika mereka bergerak dalam lingkungan yang dibenarkan oleh undang-undang ia wajar dibenarkan tetapi jikalau mereka bertindak liar maka perlu dikawal,” katanya.